

LAMPIRAN A**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR****SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19 / PENGURUSAN TAHAP
KESIHATAN RAKYAT & PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN)****UNIT KESIHATAN AWAM**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1.	YB Hulu Kelang	i. Mempercepatkan sasaran 2 dos vaksin di peringkat DUN (fokus komuniti berisiko tinggi dan kawasan penduduk padat) ii. Aktiviti keagamaan di rumah-rumah ibadat terus berjalan menepati SOP dan diberikan dan diberikan keutamaan dua dos vaksin.	i. Kerajaan Negeri melalui Selgate Healthcare sedang melaksanakan program Vaksin Selangor (SELVAX) yang turut meliputi vaksinasi secara percuma kepada golongan komuniti yang terpilih, termasuk golongan berisiko tinggi dan yang menjaga kawasan ibadat. ii. Pembukaan rumah ibadat adalah dibawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN)

2.	YB Banting	i. Sanitasi awam, ujian saringan atau pendaftaran vaksinasi fokus sektor perkilangan dan pembuatan, lebih bersasar dan fokus, kawasan perindustrian. ii. Van dan Bas Selangorku, di setiap PBT boleh untuk digunakan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di kawasan pedalaman Selangor. Aset di GLC dan PBT digunakan sebagai pusat vaksinasi. iii. Dicapangkan agar guru diberi suntikan vaksinasi bagi tujuan plebian semula sektor pendidikan.	i. Program SELVAX turut meliputi pemberian vaksin kepada pekerja industri (SELVAX Industri) yang bertujuan meningkatkan kadar imunisasi di kalangan pekerja di samping menjaga kelangsungan ekonomi Negeri Selangor. ii. Melalui SELVAX Industri, beberapa kawasan telah dijadikan sebagai PPV seperti Tropicana Gardens Mall, Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya dan Hotel De Palma, Shah Alam. iii. Guru merupakan antara golongan yang bakal menerima vaksinasi melalui Program Vaksinasi Penjawat Awam Melalui Kerjasama Di antara Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).
----	-------------------	---	---

3.	YB Bukit Lanjan	i. Program Vaksin Selangor diperluaskan ke setiap DUN, Selgate boleh membekalkan kit yang lebih murah RM20.00 dan boleh dijual kepada rakyat dan boleh uji sendiri di rumah. ii. Tambah pelaburan dalam sektor kesihatan dan boleh diperluaskan melalui GLC dan penglibatan pihak swasta contoh program pembangunan fasiliti kesihatan vaksin.	i. Program SELVAX Komuniti turut melibatkan golongan yang dikenalpasti di seluruh 56 DUN di Negeri Selangor. Pemilihan kit ujian saringan akan diberi pertimbangan sewajarnya menurut pandangan STFC dan peruntukan yang disediakan. ii. Pelaburan dalam sektor kesihatan memerlukan sumber kewangan yang tinggi. Penglibatan pihak swasta (klinik GP swasta) memang dilaksanakan dalam program Skim Insurans Peduli Sihat dan juga Program Vaksin Selangor.
4.	YB Sungai Air Tawar	i. Pemberian vaksin percuma kepada rakyat dan syarikat industri. Fokus pemberian vaksin kepada ketua keluarga dan peniaga yang terdedah dengan penularan COVID-19. Mempercepatkan sasaran imuniti berkelompok dan meningkatkan kemampuan pemberian vaksin di daerah yang dijangkiti bagi menukar kawasan merah kepada hijau.	i. Melalui SELVAX Komuniti, sebanyak 250,000 individu yang dikenalpasti seperti golongan berisiko tinggi dan penerima bantuan Kerajaan Negeri akan menerima vaksin secara percuma. Manakala SELVAX Industri akan ditawarkan secara sukarela kepada syarikat yang berminat dengan kadar bayaran sebanyak RM350 bagi dua dos dan syarikat tidak dibenarkan mengenakan sebarang bayaran kepada pekerja mereka.

		ii. Pemantapan operasi bersepadu pemberian vaksin melalui pelan tindakan yang tersusun melibatkan semua agensi kerajaan (PBT, PDT, Penghulu, Ketua Kampung). iii. Memperkasakan Program Vaksinasi Selangor. Mohon menambah PPV di Sungai Air Tawar kerana penduduk perlu ke luar dari kawasan untuk vaksinasi	ii. Merupakan tindakan Bilik Gerakan Negeri iii. Akan diberi pertimbangan sewajarnya menurut kesesuaian lokasi dan kadar efektif vaksinasi.
5.	YB Kuang	i. Program Vaksinasi di Peringkat Persekutuan menerusi <i>my sejahtera</i> adalah perlahan dan perlu dinilai semula terutama dari segi kaedah pendaftaran. Kerajaan Negeri menerusi setiap DUN perlu diletakkan pusat vaksinasi. ii. Vaksinasi COVID-19 kepada penjawat awam perlu dipercepatkan supaya mereka boleh ke pejabat dengan kadar kehadiran yang lebih tinggi. iii. Pusat Vaksin – Vaksinasi secara mobil. Pemberian vaksin rumah ke rumah untuk warga emas 60 tahun ke atas.	i. Merupakan tindakan Bilik Gerakan Negeri ii. Penjawat awam di Negeri Selangor akan menerima vaksinasi melalui program kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan JKNS. iii. Merupakan tindakan Bilik Gerakan Negeri

6.	YB Dusun Tua	Perlu wujud banyak PPV dan PPV bergerak di PBT, supaya jarak tidak terlalu jauh untuk menerima vaksin, JKN boleh bekerjasama dengan MOSTI untuk mempercepat pemberian vaksin tanpa perlu daftar <i>my sejahtera</i> .	Merupakan tindakan Bilik Gerakan Negeri dan JKNS
7.	YB Taman Medan	Keseriusan Kerajaan Negeri terhadap program saringan dengan jumlah peruntukan yang besar. Program ini perlu diteruskan kesinambungannya dengan program vaksinasi.	Melalui Pakej Kita Selangor 2.0, saringan komuniti secara percuma akan diteruskan dengan peruntukan berjumlah RM10.695 juta.
8.	YB Kota Anggerik	Tawarkan kelonggaran SOP kepada rakyat yang telah lengkap dos vaksin contohnya dibenarkan untuk solat jemaah di masjid untuk menarik lebih ramai penduduk mengambil vaksin.	Di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN)

9.	YB Bandar Utama	i. Belanjawan harus diletakkan pada polisi pemvaksinan, polisi bantuan, polisi pekerjaan, polisi ekonomi, kerana semua ini berkaitan dengan kelangsungan hidup para penduduk dan warga Selangor. ii. Wujudkan hubungan komunikasi yang lebih berkesan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan dan memudahkan temujanji pemberian vaksin.	i. Peruntukan bagi kesihatan awam adalah antara peruntukan yang tertinggi dan ini termasuk bagi program vaksinasi merupakan antara yang sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri bagi memelihara kesejahteraan rakyat. ii. Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan sesi libat urus bersama agensi dan jabatan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan program vaksinasi berjalan lancar dan YB Exco sendiri turut menganggotai mesyuarat berkala CITEF Pusat.
10.	YB Seri Kembangan	i. Pemberian vaksin secara percuma kepada B40 dan M40. ii. Bagaimana Kerajaan Negeri dapat bantu untuk bawa pesakit COVID-19 yang positif	i. Kerajaan Negeri melalui Selgate Healthcare telah melaksanakan program Vaksin Selangor (SELVAX) yang turut meliputi vaksinasi secara percuma kepada golongan komuniti yang terpilih, termasuk golongan yang menerima bantuan Kerajaan Negeri seperti SIPS dan SMUE. ii. Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi

		untuk dibawa ke pusat kuarantin kerana kekangan ambulan KKM. iii. Membenarkan ADUN membeli vaksin menggunakan peruntukan sedia ada kerana bilangan 100 vaksin tidak cukup untuk setiap ADUN.	penyediaan garis panduan penghantaran pesakit Covid ke pusat kuarantin oleh pihak persendirian. iii. Kelulusan pembelian vaksin secara terus daripada pihak kerajaan persekutuan bukan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Manakala untuk pihak ADUN membeli vaksin dari program SELVAX tidak dapat dilaksanakan kerana program SELVAX hanya membenarkan pihak majikan/industri sahaja membeli vaksin.
11.	YB Sungai Buloh (MP)	Program Peduli Sihat tidak efisien dalam penyampaian vaksin kerana pemohon perlu menunggu, beratur lama dan pelbagai lagi kesusahan yang mendatangkan keresahan rakyat untuk mendapatkan vaksin. Mohon Kerajaan Negeri menghubungkan sistem Kerajaan Negeri dengan sistem yang digunapakai oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan sistem penyampaian vaksin di Selangor lebih berkesan dan efisien. Contoh: pemberian vaksin kepada rakyat Selangor berdasarkan data Peduli Sihat untuk dapatkan senarai klinik sebagai PPV.	Data penerima SIPS akan digunakan dalam menentukan penerima vaksin di bawah SELVAX Komuniti yang diberikan secara percuma. Pihak SELGATE akan melaksanakan proses pengesahan dan semak silang melalui sistem khas yang dibangunkan bagi tujuan ini. Kerajaan Negeri juga telah mengadakan perbincangan dengan pasukan pengendali sistem MySejahtera di bawah KKM bagi menyelaraskan data

			program vaksin Selangor dengan data di dalam MySejahtera.
12.	YB Selat Klang	Pemberian Vaksinasi difokuskan kepada warga emas dan OKU serta mewujudkan PPV secara <i>drive trough</i> khususnya untuk pekerja-pekerja industri.	Kerajaan Negeri melalui Selgate Healthcare telah melaksanakan program Vaksin Selangor (SELVAX) yang turut meliputi vaksinasi secara percuma kepada golongan komuniti yang terpilih, termasuk golongan warga emas dan OKU. Buat masa ini, tiada pewujudan PPV secara <i>drive-through</i> oleh pihak SELGATE
13.	YB Sekinchan	Pemberian vaksin untuk semua tanpa mengira fahaman politik. Segerakan pemberian vaksin di PPV. PPV baru 5/7 dibuka berbanding klinik-klinik kecil sebelum ini.	Pelaksanaan program SELVAX oleh Kerajaan Negeri tidak pernah mengambil kira fahaman politik sebagai kelayakan dan syarat penerima.
14.	YB Kuala Kubu Bharu	Mewujudkan pusat kuarantin melalui Selgate untuk pesakit COVID-19.	Pusat kuarantin sedang dipertimbangkan oleh Selgate tetapi harus melihat kepada belanjawan dan kemampuan syarikat.

15.	YB Tanjong Karang (MP)	Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama untuk sediakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Selangor.	Tindakan Bilik Gerakan Negeri
16.	YB Batang Kali	i. Pemberian vaksin yang agak perlahan, PPV di perbanyakkan bersamaan dengan stok vaksin yang banyak. ii. Saringan agresif setiap hari merupakan jalan penyelesaian bagi membendung pandemik. iii. Adakan pusat kuarantin di Selangor. iv. Pemberian vaksin kepada staff Pejabat Dewan, MPKK, Komuniti diberi keutamaan utama memandangkan mereka merupakan frontliners yang selalu berhadapan dengan rakyat. v. Mencadangkan pendaftaran dan pemberian vaksin di Klinik Kesihatan.	i. Tindakan di bawah JKNS/ Bilik Gerakan Negeri ii. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM10.695 juta bagi meneruskan saringan komuniti secara percuma. iii. Tindakan di bawah JKNS/ Bilik Gerakan iv. Melalui Program SELVAX Komuniti, kakitangan PKM, MPKK dan pejabat Dewan merupakan antara golongan yang akan diberikan vaksinasi secara percuma. v. Tindakan di bawah JKNS

		vi. Mencadangkan vaksin untuk diswastakan bagi mereka yang mampu atau mempunyai kuasa membeli.	vi. Buat masa ini, SELVAX Industri hanya dibuka kepada pihak majikan yang akan membeli vaksin bagi pekerja mereka. Penjualan vaksin kepada individu adalah tertakluk kepada jumlah vaksinasi di sektor industri dan bekalan vaksin.
17.	YB Sungai Burong	i. 80% telah mendaftar vaksin di Selangor, 796 ribu sahaja yang telah divaksin baki 80% belum divaksin. Adakah bilangan PPV di negeri Selangor mampu menjalankan proses vaksinasi. ii. Rawatan COVID-19 – Hospital Tanjung Karang dijadikan PPV.	i. Tindakan Bilik Gerakan Negeri ii. Tindakan Bilik Gerakan Negeri / JKNS
18.	YB Kuala Selangor (MP)	Isu vaksinasi. Memberikan rebate pengangkutan untuk rakyat ke pusat vaksinasi dan memberikan fokus kepada pekerja industri.	Melalui Pakej Kita Selangor 2.0, rebat sebanyak RM20 akan diberikan kepada 50,000 individu bagi tujuan vaksinasi melalui aplikasi GRAB.
19.	YB Sungai Panjang	i. Memperkasakan Program Vaksinasi Selangor.	i. Kerajaan Negeri akan sentiasa melaksanakan penambahbaikan Program SELVAX bagi memastikan

		ii. Menambah PPV di semua kawasan DUN untuk meningkatkan <i>herd-immunity</i>.	objektif mempercepat imuniti kelompok dapat dicapai. ii. Pembinaan PPV di sesuatu lokasi perlu mengambil kira beberapa aspek, antaranya kesesuaian logistik dan capaian serta memerlukan sumber manusia yang mencukupi. Kekangan utama bagi menambah PPV di setiap DUN adalah kerana kekurangan tenaga kerja.
20.	YB Hulu Bernam	Mohon Pusat Pemberian Vaksin (PPV) diteruskan di Hulu Bernam walaupun PPV tersebut akan berpindah ke Serendah kerana penduduk warga emas sukar untuk pergi ke lokasi yang jauh.	Tindakan Bilik Gerakan Negeri/ JKNS
21.	YB Semenyih	Bantuan Covid-19 – Pakej ini perlu dilebarkan kepada individu yang dikuarantin sebanyak RM500 untuk tempoh kuarantin.	Bantuan kewangan khusus kepada pesakit Covid19 telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan telah ditutup pada 31 Disember 2020. Untuk tahun ini, memandangkan jumlah pesakit Covid19 yang perlu dikuarantin terlalu ramai, bantuan kewangan ini

			telah ditukarkan hanya untuk bantuan khairat kematian pesakit Covid19 sebanyak RM1,000 untuk ahli keluarga atau waris pesakit yang meninggal dunia.
22.	YB Lembah Jaya	Usaha menangani Covid-19 – mencadangkan lebih banyak PPV bergerak dibuka bagi mencapai <i>herd immunity</i> .	Pembinaan PPV di sesuatu lokasi perlu mengambil kira beberapa aspek, antaranya kesesuaian logistik dan capaian serta memerlukan sumber manusia yang mencukupi. Kekangan utama bagi menambah PPV di setiap DUN adalah kerana kekurangan tenaga kerja.
23.	YB Sungai Air Tawar	Tahap kesihatan mental di Negeri Selangor amatlah membimbangkan dengan bilangan kes bunuh diri yang meningkat. Dicapadangkan supaya diadakan <i>online counselling</i> kepada rakyat.	Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Minda Sihat Ehsan Selangor (EHSAN) yang bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat tentang penjagaan kesihatan mental. Antara komponen di dalam program ini adalah perkhidmatan telekesihatan mental yang akan dibangunkan melalui aplikasi WhatsDoc dan Selangkah. Perkhidmatan ini akan membolehkan individu yang terkesan berinteraksi

			dengan pakar psikiatri berhubung dan mendapatkan nasihat sewajarnya bagi masalah yang dihadapi.
24.	YB Subang Jaya	Aplikasi yang memberi akses kepada orang awam berkaitan pengurusan stress yang dicadangkan daripada tahun 2019 masih lagi belum dibangunkan sehingga kini. 275,000 orang telah memohon bantuan untuk kesihatan mental bagi tahun 2021. Tahun 2021 merekodkan empat kali ganda kes daripada tahun sebelumnya. Adalah diharapkan supaya aplikasi ini dapat dibangunkan dgn segera.	Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Minda Sihat Ehsan Selangor (EHSAN) yang bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat tentang penjagaan kesihatan mental. Antara komponen di dalam program ini adalah perkhidmatan telekesihatan mental yang akan dibangunkan melalui aplikasi WhatsDoc dan Selangkah. Perkhidmatan ini akan membolehkan individu yang terkesan berinteraksi dengan pakar psikiatri berhubung dan mendapatkan nasihat sewajarnya bagi masalah yang dihadapi.
25.	YB Kampung Tunku	Masalah kesihatan mental dan kes bunuh diri meningkat. JKM tidak cukup kakitangan. Mencadangkan hotline Kesihatan Mental.	Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Minda Sihat Ehsan Selangor (EHSAN) yang bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat tentang penjagaan kesihatan mental.

			Antara komponen di dalam program ini adalah perkhidmatan telekesihatan mental yang akan dibangunkan melalui aplikasi WhatsDoc dan Selangkah. Perkhidmatan ini akan membolehkan individu yang terkesan berinteraksi dengan pakar psikiatri berhubung dan mendapatkan nasihat sewajarnya bagi masalah yang dihadapi.
26.	YB Bukit Melawati	Mewujudkan inisiatif dan program khas menangani masalah kesihatan mental. Kes tekanan emosi dan bunuh diri telah meningkat sepanjang PKP. Kerajaan Negeri perlu wujudkan peruntukan khas dalam belanjawan akan datang untuk program call centre untuk terapi atau kaunseling dalam talian dan program ziarah jiran tetangga.	Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Minda Sihat Ehsan Selangor (EHSAN) yang bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat tentang penjagaan kesihatan mental. Antara komponen di dalam program ini adalah perkhidmatan telekesihatan mental yang akan dibangunkan melalui aplikasi WhatsDoc dan Selangkah. Perkhidmatan ini akan membolehkan individu yang terkesan berinteraksi dengan pakar psikiatri berhubung dan mendapatkan nasihat sewajarnya bagi masalah yang dihadapi.

			Selain pembangunan aplikasi tersebut, program interaktif siri bicara kesihatan mental Awak OK? turut diadakan setiap minggu secara atas talian.
27.	YB Kuala Selangor (MP)	Mengembleng semua sumber tenaga Jabatan Kerajaan dan pihak NGO (all of society approach) untuk membantu isu kesihatan mental seperti Befrienders.	Pelbagai agensi dan jabatan terlibat dalam program EHSAN, termasuk pakar-pakar daripada Universiti Awam dan Swasta.
28.	YB Dusun Tua	Peruntukan kesihatan mental – Status pembangunan aplikasi apps self diagnose kesihatan mental yang dirancang. Kerajaan Negeri dan Malaysia Health Associations (MHA) bekerjasama untuk memberikan rawatan dengan memberikan subsidi kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan psikologi.	Aplikasi telekesihatan mental akan dibangunkan melalui aplikasi WhatsDoc dan Selangkah
29.	YB Rawang	Kesihatan mental – Skim peduli sihat diperluaskan untuk digunakan bagi saringan COVID-19 dan mengatasi isu kesihatan mental.	Peserta Skim Insurans Peduli Sihat boleh menggunakan skim ini untuk tujuan ujian saringan kesihatan mental. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan agar saringan Covid-19 turut dijadikan sebagai salah satu manfaat yang diterima dibawah SIPS.

30.	YB Taman Templer	Peranan institusi agama dalam menangani isu kesihatan mental.	Program interaktif siri bicara kesihatan mental Awak OK? yang diadakan setiap minggu secara atas talian bakal mempunyai topik berkaitan peranan institusi agama dalam menangani kesihatan mental
31.	YB Lembah Jaya	Peranan institusi agama dalam mengatasi masalah kesihatan mental.	Program interaktif siri bicara kesihatan mental Awak OK? yang diadakan setiap minggu secara atas talian bakal mempunyai topik berkaitan peranan institusi agama dalam menangani kesihatan mental
32.	YB Morib	Bantuan RM1,000 kepada waris mangsa COVID-19.	Melalui Pakej Kita Selangor 2.0, Kerajaan Negeri akan memberika bantuan khairat kematian kepada pesakit Covid-19 yang meninggal dunia sebanyak RM1,000. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada 1,500 keluarga.
33.	YB Sementa	Memobilisasi peserta vaksin ke pusat vaksin	Melalui Pakej Kita Selangor 2.0, rebat sebanyak RM20 akan diberikan kepada 50,000 individu bagi tujuan vaksinasi melalui aplikasi GRAB.
34.	YB Meru	Menyediakan peruntukan khas untuk mewujudkan pusat aduan dengan menggunakan khidmat agamawan bagi	Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Program Kesihatan Mental secara komprehensif yang melibatkan pembinaan aplikasi khusus untuk

		membantu rakyat yang terkesan dari segi moral dan mental.	saringan mental dan lain-lain yang akan memberi manfaat kepada rakyat dari aspek sokongan mental dan moral. Cadangan untuk melibatkan agamawan akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal untuk mendapatkan sumber tenaga yang bersesuaian dan berkelayakan.
35.	YB Rawang	Subsidari RM20 untuk Rebat Pengangkutan.-mohon Bas Smart Selangor digunakan untuk menghantar individu yang perlu ke PPV kerana subsidi grab RM20 tidak digunakan di kawasan sukar mendapatkan perkhidmatan e-hailing	Di bawah tindakan SMART Selangor/PBT

SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT & MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT)

UNIT WANITA & KELUARGA

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
B-1	YB Bukit Lanan	Usaha Kerajaan Negeri memberikan peruntukan khas untuk keganasan rumah tangga adalah usaha yang baik. Walau bagaimanapun, peruntukan ini perlu diperluaskan kepada NGO (sebanyak RM500,000.00) yang akan menguruskan aduan dan bantuan kepada mangsa keganasan tersebut. Tanpa peruntukan bantuan tidak dapat diberikan segera.	Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberikan peruntukan khas kepada NGO yang menguruskan aduan dan bantuan kepada mangsa keganasan. Namun demikian, cadangan peluasan peruntukan sebanyak RM500,000.00 tersebut akan dipertimbangkan Kerajaan Negeri tertakluk kepada peruntukan sedia ada sebagai nilai tambah kepada pelaksanaan Hotline Khusus Aduan Keganasan Rumah Tangga di bawah Pakej Kita Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2021.

B-5	YB Bukit Lanan	Keganasan rumah tangga terhadap wanita dan kanak-kanak. Mencadangkan untuk mengukuhkan JKM dengan menambah kakitangan dan adakan lebih banyak perkhidmatan kaunseling kepada mangsa. Kaji satu polisi untuk mengatasi masalah ini dengan kerjasama NGO.	Cadangan untuk mengukuhkan JKM melalui penambahan kakitangan dan mengadakan lebih banyak perkhidmatan kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga serta mengkaji satu polisi untuk mengatasi masalah ini dengan penglibatan Kerjasama NGO yang bersesuaian akan dipanjangkan kepada JKM Selangor bagi tujuan mendapatkan maklumbalas terhadap cadangan yang diutarakan.
C-3	YB Bukit Lanan	Menilai semula program / projek yang memberikan manfaat atau hasil kepada rakyat kerana terdapat projek yang tidak memberikan nilai yang menyakinkan contohnya projek <i>agrofarming</i> yang tidak berjaya tetapi masih diberikan peruntukan.	Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga sentiasa menilai semula program-program di bawah portfolio Yang Berhormat Dr Siti Mariah Mahmud bagi memastikan program-program yang dilaksanakan sentiasa relevan dan bersesuaian dengan situasi semasa terutama ketika Negara berdepan dengan isu pandemik Covid-19.
I-2	YB Banting	Pelaksanaan bantuan pra sekolah yang tidak efektif.	Tiada bantuan pra sekolah disediakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga. Namun demikian, terdapat satu Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) iaitu Elaun Anak Ke Nurseri (Asuh Pintar) di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan.

I-14	YB Petaling Jaya (MP)	Bantuan kepada ibu tunggal seperti contoh penyediaan bantuan mencari pekerjaan yang sesuai / <i>skills matching</i> .	Kerajaan Negeri melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh Selangor telah menyediakan pelbagai program kemahiran di peringkat DUN untuk dimanfaatkan oleh semua golongan wanita termasuklah golongan ibu tunggal dalam memberikan ilmu kemahiran bagi membantu menjana pendapatan keluarga. Cadangan bantuan kepada ibu tunggal melalui penyediaan bantuan mencari pekerjaan yang sesuai / <i>skills matching</i> akan dipertimbangkan Kerajaan Negeri dengan cadangan pelaksanaan secara usahasama bersama agensi dan portfolio lain yang bersesuaian yang akan dikenalpasti.
1-18	YB Sementa	Bantuan <i>One Off</i> kepada pengusaha dan guru taska.	Buat masa ini, tiada peruntukan disediakan untuk pemberian bantuan kepada pengusaha dan guru taska di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga memandangkan isu berkaitan taska adalah di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan terdahulu. Namun demikian, sekiranya terdapat peruntukan yang dapat dikenalpasti bersesuaian dan mencukupi untuk memenuhi keperluan tersebut, maka cadangan tersebut akan diangkat untuk diberi pertimbangan kelulusan oleh Kerajaan Negeri.

I-18	YB Sementa	Bantuan RM500 dipanjangkan kepada orang kurang upaya (OKU) yang berumur 18 tahun ke bawah.	Kerajaan Negeri buat masa ini menyediakan Bantuan <i>One Off</i> RM500.00 OKU di bawah Pakej Kita Selangor khusus bagi tujuan membantu golongan OKU berumur 18 tahun dan ke atas yang terkesan dari segi pendapatan disepanjang pandemik Covid-19. Sebagai makluman, pelbagai inisiatif Anak Istimewa Selangor (AnIS) telah disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) seperti Program Didik AnIS dan Bantuan Khas AnIS untuk dimanfaatkan oleh golongan OKU terutama dalam menyantuni anak-anak istimewa ini. Inisiatif-inisiatif ini boleh dilayari pada laman sesawang www.anisselangor.com .
------	------------	--	---

**SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN / PENGURUSAN
PEMBAYARAN CUKAI & MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT)**

UNIT USAHAWAN

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
D-5	YB Sijangkang	Mewujudkan <i>e-digital platform</i> bagi rakyat yang terkesan dan hilang punca pendapatan.	Kerajaan Negeri telah mewujudkan Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) ssipr.selangor.gov.my yang menjadi pusat sehati bagi bantuan kepada segenap lapisan masyarakat.
D-9	YB Seri Setia	Mewujudkan dan memperbanyak kawasan gerai-gerai terancang untuk membantu penjaja kecil.	Pembinaan gerai-gerai telah disediakan dalam perancangan jangka panjang setiap PBT. Lesen penjaja sementara dan kebenaran berniaga di hadapan rumah kediaman telah diberikan bagi membantu penjaja kecil dalam jangka pendek.
D-36	YB Pandan (MP)	Bantuan memperbaiki bumbung dan kemudahan bagi peniaga kecil-kecilan.	Pembaikan infrastruktur dan kemudahan awam adalah dibawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Premis persendirian adalah dibawah tanggungjawab pemilik.
H-2	YB Sungai Air Tawar	Pengecualian daripada fl Lesen PBT kepada usahawan IKS/ peniaga kecil.	Lesen peniaga kecil telah dikeluarkan secara percuma oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada peniaga kecil.

I-5	YB Sungai Air Tawar	Mencadangkan satu platform belajar berniaga secara <i>online</i> seperti Shopee dan Lazada.	Buat masa ini terdapat pelbagai platform pemasaran secara dalam talian antaranya Shopee, Lazada, Seldec, Bazarlokal, Kohijrah mall dan plats Selangor. Pembelajaran perniagaan digital juga telah disediakan di setiap platform.
I-5	YB Sungai Air Tawar	Pemberian bantuan kepada peniaga kecil dan yang terjejas akibat kehilangan pekerjaan bagi membantu meringankan beban mereka.	Terdapat pelbagai bantuan yang telah disediakan kepada golongan peniaga kecil seperti yang telah diumumkan oleh Dato`Menteri Besar. Antaranya kemudahan pinjaman mikro, moratorium pinjaman, pengecualian sewa, bantuan one-off, bantuan pemasaran dan perlesenan.
I-7	YB Subang Jaya	Keberlangsungan sumber pendapatan. Kerajaan Negeri perlu memberikan bantuan dengan sistem sedia ada seperti HIJRAH, TWB, Selangor Kerjaya dipergiatkan program kepada dua ke tiga kali ganda.	Peruntukan tambahan telah disediakan bagi menyokong sistem sedia ada seperti HIJRAH, TWB dan Selangor Kerjaya. Tambahan peruntukan RM 10 juta bagi meningkatkan pinjaman mikro HIJRAH.
I-9	YB Shah Alam (MP)	Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau secara percuma ketika PKP.	Pengecualian sewa bagi premis milik kerajaan telah dilaksanakan semasa PKP 1.0. Pengurangan sewa adalah tertakluk kepada agensi terlibat.

I-14	YB Petaling Jaya (MP)	Bantuan sokongan kepada golongan B40 dan M40 dengan memberikan pelepasan sewa dan bantuan kepada IKS.	Pengecualian sewa bagi premis milik kerajaan telah dilaksanakan semasa PKP 1.0. Pengurangan sewa adalah tertakluk kepada agensi terlibat. Terdapat pelbagai bantuan yang telah disediakan kepada golongan peniaga kecil dan golongan M40 seperti yang telah diumumkan oleh Dato`Menteri Besar. Antaranya kemudahan pinjaman mikro, moratorium pinjaman, pengecualian sewa, bantuan one-off, bantuan pemasaran dan perlesenan.
I-15	YB Klang (MP)	Memberi 50% potongan sewa kepada peniaga-peniaga kecil yang menyewa bangunan milik Kerajaan Negeri.	Pengecualian sewa bagi premis milik kerajaan telah dilaksanakan semasa PKP 1.0. Pengurangan sewa adalah tertakluk kepada agensi terlibat.
I-16	YB Pandamaran	Bantuan kepada penjaja kecil	Terdapat pelbagai bantuan yang telah disediakan kepada golongan peniaga kecil seperti yang telah diumumkan oleh Dato`Menteri Besar. Antaranya kemudahan pinjaman mikro, moratorium pinjaman, pengecualian sewa, bantuan one-off, bantuan pemasaran dan perlesenan.
I-17	YB Morib	Moratorium usahawan HIJRAH perlu diteruskan segera oleh HIJRAH.	Kemudahan moratorium pinjaman HIJRAH telah dilaksanakan mulai 15 jun hingga 31 julai 2021. Perlanjutan atau penjadualan

			semula pinjaman adalah berdasarkan permohonan setiap peminjam.
I-17	YB Morib	Penjaja kecil tidak mempunyai SSM untuk berniaga. Mereka tidak layak untuk menerima bantuan. Kerajaan Negeri dipohon untuk mempertimbangkan perkara ini.	Pendaftaran SSM merupakan syarat asas bagi memulakan perniagaan. Ia bagi memastikan peniaga mempunyai entity perniagaan yang sah di sisi undang-undang. Pihak SSM telah mempermudah cara dengan menyediakan platform atas talian bagi tujuan pendaftaran perniagaan.
I-22	YB Sijangkang	Membantu peniaga-peniaga pasar malam dengan memperkasakan pasar melalui atas talian contohnya SELDEC.	Buat masa ini terdapat pelbagai platform pemasaran secara dalam talian antaranya Shopee, Lazada, Seldec, Bazarlokal, Kohijrah mall dan plats Selangor. Pihak Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Program Rakan Digital bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital.
I-24	YB Bukit Melawati	Sewaan kedai boleh diberi pengecualian kepada peniaga.	Pengecualian sewa bagi premis milik kerajaan telah dilaksanakan semasa PKP 1.0. Pengurangan sewa adalah tertakluk kepada agensi terlibat.
I-25	YB Ijok	Perusahaan Kecil yang terjejas merangkumi B40 dan M40.	Terdapat pelbagai bantuan yang telah disediakan kepada golongan peniaga kecil dan golongan M40 seperti yang telah diumumkan oleh Dato`Menteri Besar. Antaranya kemudahan pinjaman mikro,

			moratorium pinjaman, pengecualian sewa, bantuan one-off, bantuan pemasaran dan perlesenan.
I-27	YB Permatang	Dana Usahawan Mikro Selangor.	Permohonan dan semakan berkaitan dana tersebut boleh dibuat melalui pejabat daerah terlibat atau melalui ssipr.selangor.gov.my .
I-29	YB Kuala Selangor (MP)	Mohon bantuan pinjaman atau moratorium diberikan kepada peniaga untuk memulakan perniagaan.	Kemudahan pinjaman mikro telah disediakan melalui HIJRAH Selangor bagi menyokong perkembangan perniagaan yang terkesan akibat pandemic. Kemudahan moratorium pinjaman HIJRAH telah dilaksanakan mulai 15 jun hingga 31 julai 2021.
I-30	YB Sungai Panjang	Moratorium secara automatik kepada peminjam HIJRAH supaya peminjam tak perlu membuat permohonan.	Kemudahan moratorium pinjaman HIJRAH telah dilaksanakan mulai 15 jun hingga 31 julai 2021. Perlanjutan atau penjadualan semula pinjaman adalah berdasarkan permohonan setiap peminjam.
I-30	YB Sungai Panjang	Memohon PBT beri kelonggaran penguatkuasaan kepada penjaja kecil untuk berniaga tanpa lesen dalam tempoh pandemik.	
I-31	YB Seri Setia	Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau diberikan pengecualian sewa ketika PKP.	Pengecualian sewa bagi premis milik kerajaan telah dilaksanakan semasa PKP 1.0. Pengurangan sewa adalah tertakluk kepada agensi terlibat.

I-34	YB Rawang	Mewujudkan program konsultasi berkaitan masalah kewangan – Kerajaan Negeri menyediakan financial kaunseling untuk sokongan rakyat	Kerajaan negeri telah mewujudkan Klinik Usahawan Selangor melalui Bahagian Pembangunan Usahawan, PKNS sebagai pusat sehati bagi menyediakan khidmat nasihat berkaitan pelbagai isu-isu perniagaan. Bagi golongan individu, AKPK menyediakan khidmat nasihat berkaitan pengurusan kewangan.
------	-----------	---	--

SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN / PENGURUSAN & MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT)

UNIT KERAJAAN PRIHATIN & PEMBERDAYAAN PEKERJA

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
C-3	YB Bukit Lanjan	Menilai semula program/ projek yang memberikan manfaat atau hasil kepada rakyat kerana terdapat projek yang tidak memberikan nilai yang meyakinkan contohnya projek <i>agrofarming</i> yang tidak berjaya tetapi masih diberikan peruntukan.	<u>Semua Unit Seksyen Sektor</u> Di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah meneliti dan menimbang bahawa program – program sedia ada akan dijalankan seperti ditetapkan memandangkan program ini adalah secara langsung membantu rakyat Negeri Selangor

			lebih lagi di dalam waktu pandemic Covid-19. Antara program yang diteruskan adalah dengan memberi tumpuan kepada : 1. Program Bantuan Bina Baru & Baikpulih Rumah 2. Program Subsidi Tambang Bas Sekolah (sementara ini dikenali sebagai Bantuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah - PdPR) 3. Bantuan Yuran Pengajian IPTA/IPTS
D-25	YB Sabak	Mohon menambah peruntukan bagi memperbaiki rumah rakyat miskin.	<u>Unit Kerajaan Prihatin</u> Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah meneliti dan sedang dalam tindakan membuat permohonan peruntukan tambahan bagi membantu rakyat Negeri Selangor yang terkesan
I-3	YB Bukit Lanjan	Program bakul makanan sangat diperlukan. Walau bagaimanapun, sebagai <i>long term plan</i> atau pelan jangka panjang, Kerajaan Negeri perlu mencipta peluang pekerjaan penjana kerja kepada rakyat yang hilang pekerjaan atau tiada pekerjaan.	<u>Unit Pemberdayaan Pekerja</u> Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Pekerja akan bekerjasama dengan jabatan / agensi yang berkenaan bagi membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan baru kepada para pekerja B40 yang terjejas.

I-12	YB Bandar Utama	Mewujudkan <i>platform</i> atas talian untuk majikan/ syarikat mencari pekerja dan informasi jawatan kosong.	Unit Pemberdayaan Pekerja Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Pekerja menyambut baik cadangan tersebut akan diteliti selanjutnya.
I-13	YB Kota Damansara	Mewujudkan <i>platform</i> aduan pekerja untuk membantu pekerja yang dianiaya oleh majikan.	Unit Pemberdayaan Pekerja Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Pekerja akan meneliti cadangan tersebut khususnya pekerja B40 tertakluk bidang kuasa dan peraturan yang berkuatkuasa.
I-25	YB Ijok	Perancangan masa panjang bagi membantu orang yang hilang pekerjaan.	Unit Pemberdayaan Pekerja Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Pekerja akan membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan baru kepada pekerja B40 yang terjejas bagi memberi <i>value added</i> untuk terus bersaing di dalam era teknnologi yang berkembang pesat.

I-26	YB Tanjong Karang (MP)	Peluang pekerjaan di Selangor – Kerajaan Negeri menyediakan mana-mana skim yang membantu rakyat yang telah diberhentikan kerja akibat Covid-19.	Unit Pemberdayaan Pekerja Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Pekerja akan membantu meningkatkan kemahiran & pengetahuan baru kepada pekerja B40 yang terjejas.
------	------------------------	---	---

SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN / PENGURUSAN & MERINGKANKAN BEBANAN RAKYAT)

UNIT KEBAJIKAN MASYARAKAT & IPR

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
C-3	YB Bukit Lanan	Menilai semula program/ projek yang memberikan manfaat atau hasil kepada rakyat kerana terdapat projek yang tidak memberikan nilai yang meyakinkan contohnya projek <i>agrofarming</i> yang tidak berjaya tetapi masih diberikan peruntukan.	Jawatankuasa Tetap Kebajikan Masyarakat mempunyai perancangan untuk mengkaji semula dasar dan kriteria program-program di bawah seliaan Jawatankuasa ini agar dapat memenuhi keperluan semasa.

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
	YB Rawang	Mencadangkan pewujudan satu laman web sebagai pusat informasi bagi semua program Kerajaan Negeri – informasi <i>one stop centre</i> untuk rakyat mengakses maklumat untuk membuat permohonan dan mendapatkan bantuan dengan mudah.	Kini terdapat Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) yang masih dalam pembangunan fasa akhir, yang bertujuan sebagai gerbang atau <i>one stop centre</i> bagi program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Namun sistem ini hanya bagi 33 program yang dijenamakan sebagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) sewaktu penjajaran program IPR dilaksanakan pada tahun 2019. Bagi bantuan-bantuan di bawah Pakej Kita Selangor, Kerajaan Negeri bakal mewujudkan satu laman sesawang untuk memudahkan rakyat Selangor yang terjejas dan terkesan memohon bantuan-bantuan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk mengurangkan bebanan rakyat menghadapi pandemik Covid-19. Melalui laman sesawang ini, pemohon boleh mendapatkan maklumat bantuan-bantuan yang disediakan di dalam Pakej Kita Selangor serta boleh terus memohon sekiranya tergolong di dalam kriteria yang berkelayakan. Laman sesawang ini dijangka untuk <i>go-live</i> pada bulan Ogos kelak.
	YB Hulu Kelang	Bantuan makanan atau kupon pembelian barang keperluan, penangguhan bayaran	Jawatankuasa Tetap Kebajikan Masyarakat akan menyediakan bantuan khas kepada rakyat Selangor

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
		atau bayaran secara ansuran cukai rumah, cukai tanah, sewa kedai dan premis.	yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan golongan B40 yang berupa baucar beli belah di pasaraya terpilih. Bantuan khas ini dijangka bermula Oktober sehingga Disember 2021. Melalui Pakej Kita Selangor 2.0, terdapat juga bantuan-bantuan yang disediakan untuk meringankan beban rakyat Selangor seperti: • Program Bakul Makanan daripada MBI, LPHS, KDEB, PKM DUN dan Parlimen. • Moratorium bayaran pinjaman HIJRAH selama satu setengah bulan (1.5 bulan) kepada usahawan HIJRAH Selangor. • Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran bagi graduan tahun 2021 selama 12 bulan. • Penangguhan bayaran sewa selama satu (1) bulan kepada Rumah PPR dan penyewa Rumah <i>Smart Sewa</i>. • Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan Selangor bagi tempoh enam (6) bulan. Selain itu, terdapat juga bantuan khas berbentuk bakul makanan dan baucar barangan runcit daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, sebagai satu program tanggungjawab sosial korporat

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
			(CSR) kepada rakyat Selangor yang terkesan dengan pandemik Covid-19 ini, termasuk orang-orang asli. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga berganding bahu bersama Kerajaan Negeri membantu rakyat di dalam kawasan masing-masing. Antara PBT yang terlibat ialah: • Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) giat melaksanakan Program Bakul Prihatin Majlis Bandaraya Shah Alam, yang mana membantu golongan B40, petugas barisan hadapan (frontliners), bekas kakitangannya, anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), operator taska dan petugas media. • Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menghulurkan sumbangan bakul makanan melalui bantuan PJ <i>City Foodbank</i> kepada golongan miskin bandar iaitu keluarga golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU) dan anak-anak yatim di dalam kawasan MBPJ. • Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan menyediakan bantuan kepada penduduk di dalam kawasan pentadbirannya yang terdiri daripada golongan B40, OKU dan hilang punca

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
			pendapatan/ pekerjaan iaitu melalui Program MPAJ Prihatin 2021.
	YB Kampung Tunku	Mewujudkan lebih banyak pekerjaan dalam sektor <i>hospice care</i> dan pusat penjagaan warga emas diperbanyakkan.	<u>Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor</u> Sektor pekerjaan berada di bawah Kementerian Sumber Manusia yang kini dikendalikan oleh pihak PERKESO. Jabatan Kebajikan Masyarakat kini mempunyai 10 buah Rumah Seri Kenangan dan 2 buah Rumah Ehsan bagi penjagaan Warga emas di seluruh Malaysia. Tiada perancangan buat masa ini bagi menambah institusi Warga emas. Walau bagaimanapun, pusat penjagaan warga emas boleh ditubuhkan oleh Badan Bukan Kerajaan/ swasta dan ianya perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut Akta Pusat Jagaan 1993.
	YB Bukit Melawati	Program KISS wajar diteruskan, mohon penelitian semula SOP ataupun dasar program ini untuk ditambahbaik dan diperluas.	Jawatankuasa Tetap Kebajikan Masyarakat mempunyai perancangan untuk mengkaji semula dasar dan kriteria Program Kasih Ibu <i>Smart</i> Selangor (KISS) agar dapat memenuhi keperluan semasa.

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN / AGENSI
	YB Balakong	Pemberian baucar membeli belah.	Jawatankuasa Tetap Kebajikan Masyarakat akan menyediakan bantuan khas kepada rakyat Selangor yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan golongan B40 yang berupa baucar beli belah di pasaraya terpilih. Bantuan khas ini dijangka bermula Oktober sehingga Disember 2021.
	YB Rawang	Jom <i>shopping</i> (baucar) – melibatkan kerjasama dengan kedai runcit dan SME supaya manfaat kepada kedai runcit ini.	<u>Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)</u> Kerjasama ini boleh dilaksanakan bergantung kepada permintaan PKM DUN, namun kedai runcit dan SME tersebut hendaklah memenuhi syarat kriteria dengan berkemampuan untuk menampung jumlah baucar untuk ditebus sekurang-sekurangnya 500 ke 2,000 baucar sebulan dan stok barangan keperluan asas mencukupi semasa program dilaksanakan. Antara pasar raya yang berkerjasama dalam Jom <i>Shopping</i> SMUE adalah Pasaraya Giant, Lotuss Malaysia, Mydinmart, Econsave, NSK Trading, TF Value Mart, Grand Union, Econmart, Best Fresh Mart, Pasaraya Mustafa, CLC, Sri Ternak Food Mart dan Pasaraya Sri Kassim.

SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT)

UNIT PERTANIAN

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
C-3	YB Bukit Lanjan	Menilai semula program/ projek yang memberikan manfaat atau hasil kepada rakyat kerana terdapat projek yang tidak memberikan nilai yang meyakinkan contohnya projek <i>agrofarming</i> yang tidak berjaya tetapi masih diberikan peruntukan.	Program pemberian bantuan atau insentif kepada golongan petani, penternak dan nelayan adalah berdasarkan kepada laporan yang diperolehi daripada jabatan dan agensi selepas siasatan tapak dilaksanakan bagi memastikan setiap kelulusan bantuan diberikan kepada golongan sasaran yang berpotensi untuk meningkatkan hasil mereka dan setiap cadangan/pengesyoran kelulusan setiap bantuan akan dinilai dan diluluskan oleh jawatankuasa khas bagi memastikan setiap pemberian bantuan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya dan boleh meningkatkan hasil dan pendapatan. Antara syarat-syarat sebelum sesuatu bantuan diluluskan adalah seperti berikut :- 1. Telah melaksanakan projek lebih dari setahun; 2. Berpotensi untuk ditingkatkan hasil;

			3. Telah berdaftar dengan jabatan dan agensi yang berkaitan bagi mengelakkan pemberian kepada pengusaha yang baharu hendak mencuba dan mempunyai risiko tinggi untuk gagal; dan 4. Mempunyai minat (<i>passion</i>) yang tinggi serta keazaman (<i>determination</i>) untuk meningkatkan ekonomi. Selepas pemberian bantuan, penerima akan dilawat siasat bagi mendapatkan impak pemberian tersebut khususnya dari segi peningkatan hasil dan jualan iaitu seawal 6 bulan selepas setiap bantuan diserahkan. Walaupun begitu, terdapat pengusaha yang tidak aktif selepas pemberian bantuan tersebut, iaiah disebabkan perkara-perkara seperti berikut :- 1. Kematian; 2. Pengusaha jatuh sakit; 3. Tiada pelapis khususnya ahli keluarga yang berminat untuk meneruskan lagi projek; dan 4. Kerosakan pada projek disebabkan oleh bencana alam atau serangan penyakit yang menyebabkan
--	--	--	--

			kerugian secara total dan memerlukan modal yang tinggi untuk memulakan projek.
I-23	Cadangan petani diberikan insentif oleh Kerajaan Negeri sebanyak <i>one-off</i> RM500 bagi membantu petani hasilnya yang terjejas.	YB Sekinchan	Secara dasarnya pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak menjadikan amalan pemberian tunai secara <i>one-off</i>. Hampir setiap pemberian insentif adalah secara <i>in kind</i> yang berbentuk bantuan input pertanian, peralatan, makanan ternakan dan bahan mentah produk proses (Industri Asas Tani) yang menjadi keperluan penting kepada golongan petani, penternak dan nelayan bagi mereka meneruskan aktiviti mereka. Setiap insentif tersebut bernilai di antara RM300 hingga RM800 bergantung kepada jenis projek dan ianya berfungsi sebagai meringankan beban kepada golongan tersebut. Sebagai contoh, pemberian insentif petrol kepada nelayan pantai berjumlah RM300 seorang nelayan dalam bentuk baucer yang mereka boleh tebus di stesen-stesen minyak yang telah ditetapkan dan ianya boleh mengurangkan kos petrol kepada nelayan tersebut.

			Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri ada melaksanakan Program Bantuan Bencana Banjir dengan nilai sebanyak RM500 (bergantung kepada tahap kerugian dan keluasan yang terjejas) kepada pengusaha tanaman dan penternak yang teruk terjejas akibat banjir.
I-27	Bantuan kepada petani	YB Permatang	Setiap tahun, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM30 juta secara purata dalam tempoh 5 tahun bagi pembangunan pertanian di Negeri Selangor. Melalui peruntukkan tersebut, pelbagai bentuk bantuan telah disediakan kepada semua golongan petani, penternak, nelayan dan pengusaha Industri Asas Tani(IAT). Bentuk bantuan yang disediakan adalah seperti berikut :- 1. Bantuan input-input tanaman seperti baja, benih dan bahan kawalan perosak; 2. Bantuan peralatan seperti peralatan tanaman fertigasi, menaik taraf kandang ternakan, makanan ternakan, baka ternakan, peralatan akuakultur, bot dan sampan nelayan pantai;

			3. Latihan dan khidmat nasihat; 4. Kawalan penyakit samada tanaman atau ternakan dan kajian tanah seperti kajian nutrien tanah; 5. Penggunaan jentera dan peralatan moden; dan 6. Pemasaran hasil pertanian dan produk proses termasuk pembelian terus daripada pengusaha dan dipasarkan semula.
I-28	Tubuhkan tabung khas petani untuk selaraskan masalah petani.	YB Sungai Burong	Cadangan tersebut akan dibawa untuk pertimbangan.
I-29	Bantuan <i>one off</i> kepada nelayan.	YB Kuala Selangor (MP)	Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan program bantuan secara <i>one off</i> kepada golongan pada setiap tahun. Bantuan-bantuan termasuklah :- 1. Bantuan baucer petrol; dan 2. Bantuan peralatan menangkap ikan seperti pukot dan jaring, enjin bot, sampan dan fish finder. Bagi tahun 2021, seramai 1,350 nelayan telah menerima bantuan baucer petrol dengan nilai RM300 per nelayan manakala 372 lagi akan diberikan bantuan serupa

			dalam masa terdekat menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM516,600. Dalam pada itu juga, seramai 170 nelayan akan diberikan bantuan peralatan <i>fish finder</i> yang bertujuan untuk meningkatkan hasil tangkapan dengan nilai RM289,000.00. dan akan menerima bantuan baucer petrol termasuk nelayan sungai selain daripada
--	--	--	---

SEKSYEN SEKTORAL (KLUSTER MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT)

UNIT SOSIOEKONOMI

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
Meringankan Bebanan Rakyat I-24	YB Bukit Melawati	Mengkaji semula Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan kerana SOP sedia ada mengambil masa sehingga 7 hingga 8 bulan dan jawatankuasa hanya bersidang 2 kali setahun	Untuk makluman Yang Berhormat, proses untuk meluluskan permohonan bagi program ini dilakukan dengan begitu terperinci dan telus. Ianya adalah untuk memastikan pemohon yang bakal menerima bantuan ini adalah dari kalangan rakyat yang benar-benar layak sahaja. Bermula dengan proses siasatan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah, satu kertas kerja lengkap akan dibentangkan oleh Pejabat/ Daerah Tanah

			ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan untuk dipertimbangkan. Selepas itu, Seksyen Sektoral, UPEN perlu meneliti satu persatu borang permohonan termasuklah dengan menelefon setiap pemohon bagi membuat pengesahan peralatan/ mesin yang dipohon, menyemak dokumen sokongan di borang permohonan, meneliti setiap anggaran harga peralatan/ mesin dan memasukkan setiap data permohonan ke dalam sistem pangkalan data sebelum satu kertas kelulusan disediakan bagi penyaluran waran ke Pejabat Daerah/ Tanah untuk proses pembelian peralatan/ mesin. Segala proses tersebut adalah rumit dan terperinci namun ianya adalah satu keperluan dalam memastikan setiap permohonan diproses mengikut tatacara yang lengkap sejajar dengan objektif dan sasaran program bantuan ini. Berhubung dengan berapa tempoh masa yang diambil untuk meluluskan permohonan, Seksyen Sektoral, UPEN berpegang kepada Piagam Pelanggan iaitu memproses permohonan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan (dokumen lengkap) di dalam tempoh 3 bulan. Bilangan persidangan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan juga adalah
--	--	--	---

			berdasarkan jumlah peruntukan yang kecil iaitu hanya sebanyak RM2 juta setahun. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi mempercepatkan proses dan penerimaan bantuan peralatan pada tahun hadapan, Jawatankuasa Pemilihan akan bersidang pada hujung tahun ini bagi kelulusan permohonan untuk tahun 2022.
Meringankan Bebanan Rakyat I-34	YB Rawang	Melibatkan kerjasama dengan kedai runcit dan SME bagi Program Pemberian Baucar Jom Shopping Bersempena Perayaan	Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan pasar raya adalah ditentukan oleh YB DUN kawasan/ penyelarass Pusat Khidmat DUN sendiri. Pemilihan ini berdasarkan ianya menjadi pilihan utama rakyat untuk membuat pembelian barangan keperluan dan pasar raya tersebut mempunyai banyak cawangan di dalam Negeri Selangor bagi memudahkan penerima untuk mendapatkan barangan keperluan dan mempunyai kepelbagaiaan barangan. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Jom <i>Shopping</i> ini dengan 10 buah pasar raya yang dipilih oleh Pusat Khidmat DUN sendiri. Dalam mempelbagaikan pilihan pasar raya, pada tahun ini terdapat 3

			pasar raya baru yang dipilih dan membawa jumlah pasar raya yang baru sebanyak 13 buah. Namun begitu, dalam memastikan rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri menyambut baik dan mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan dalam menambah baik pelaksanaan program. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan melihat semula penglibatan kedai runcit mahupun SME di dalam Program <i>Jom Shopping</i> pada masa akan datang dalam memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar serta memastikan setiap peruntukan bagi setiap inisiatif yang telah dirangka adalah sejajar dan bersesuaian dengan prestasi kewangan negeri serta senario ekonomi semasa.
--	--	--	--